

KOLEKSI EKSPERIMEN

KIMIA TINGKATAN 4



NAMA :

TINGKATAN :



KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA




BIL	BAB	TAJUK	MUKA SURAT
1	Struktur atom	Mengkaji Resapan Zarah-Zarah Dalam Gas, Cecair Dan Pepejal	3
2		Menentukan Takat Lebur Dan Takat Beku Naftalena	4
3	Formula dan persamaan kimia	Menentukan Formula Empirik Kuprum(II)Oksida	5
4		Menentukan Formula Empirik Magnesium Oksida	6
5		Menulis Persamaan Kimia Yang Seimbang	7
6	Jadual Berkala Unsur	Mengkaji Kekerasan, Ketumpatan Dan Takat Lebur Logam Alkali	9
7		Mengkaji Sifat Kimia Litium, Natrium Dan Kalium Terhadap Air	10
8		Mengkaji Sifat Kimia Litium, Natrium Dan Kalium Terhadap Oksigen	11
9		Mengkaji Sifat Kimia Unsur Kumpulan 17 Dengan Air	12
10		Mengkaji Sifat Kimia Unsur Kumpulan 17 Dengan Ferum	13
11		Mengkaji Sifat Kimia Unsur Kumpulan 17 Dengan Natrium hidroksida	14
12		Mengkaji sifat oksida unsur kala 3	16
13	Ikatan kimia	Membandingkan sifat sebatian ion dan sebatian kovalen	17
14	Elektrokimia	Mengelaskan bahan kepada elektrolit dan bukan elektrolit	19
15		Mengkaji elektrolisis leburan plumbum(II)bromida lebur	20
16		Mengkaji elektrolisis larutan akues	
17		Mengkaji kedudukan ion dalam siri elektrokimia terhadap pemilihan ion untuk dinyahcas pada elektrod	21
18		Mengkaji kesan kepekatan ion di dalam larutan terhadap pemilihan ion untuk dinyahcas pada elektrod	23
19		Mengkaji kesan jenis elektrod yang dignakan terhadap pemilihan ion untuk dinyahcas pada elektrof	23
20		Mengkaji penyaduran suatu objek logam dengan logam kuprummenunjukkan peghasilan arus elektrik daripada tindak balas kimia dalam sebuah sel kimia	25
21		Menunjukkan penghasilan arus elektrik daripada tindak balas kimia dalam sebuah sel kimia	26
22		Membina siri elektrokimia berdasarkan beza keupayaan antara logam	27
23		Membina siri elektrokimia dengan menggunakan prinsip penyesaran logam	28
24	Asid dan bes	Mengkaji peranan air untuk menunjukkan sifat asid dan sifat alkali	29
25		Mengkaji tindak balas antara asid dengan bes	31
26		Mengkaji tindak balas antara asid dengan logam	31
27		Mengkaji tindak balas asid dengan karbonat logam	32
28		Mengkaji sifat kimia alkali	32
29		Mengukur nilai pH larutan asid dan alkali yang sama kepekatan	33
30		Menyediakan larutan piawai	34
31		Menyediakan larutan melalui kaedah pencairan	35
32		Mengkaji hubung kait antara nilai pH dengan kemolaran larutan asid dan alkali	35
33		Menentukan takat akhir proses peneutralan melalui kaedah pentitratan dengan menggunakan penunjuk asid dan bes	36
34	Menentukan takat akhir proses peneutralan melalui kaedah pentitratan dengan menggunakan antara muka berkomputer	37	
35	Garam	Menyediakan garam terlarutkan dengan mencampurkan asid dan alkali	38
36		Menyediakan garam terlarutkan dengan mencampurkan asid dan oksida logam, karbonat logam dan logam tak terlarutkan	40
37		Menyediakan garam tak terlarutkan melalui tindak balas pemendakan	41
38		Membina persamaan ion bagi pembentukan plumbum(II)kromat(VI)	42
39		Mengkaji warna dan keterlarutan garam di dalam air	43
40		Mengenal pasti gas yang terbebas	44
41		Mengkaji Tindakan haba terhadap garam karbonat dan nitrat	45
42		Menguji kehadiran anion di dalam larutan akueus	46
43		Menguji kehadiran kation di dalam larutan garam akueus	48
44		Mengesahkan kehadiran ion Ferum(II), ion Ferum(III), Ion Plumbum(II), dan ion ammonium	49
45	Bahan buatan dalam industri	Membandingkan sifat kekerasan logam tulen dengan aloinya	51
46		Membandingkan kadar pengaratan antara besi, keluli dan keluli nirkarat	51

BAB 2 : STRUKTUR ATOM

AKTIVITI	MENGAJAI RESAPAN ZARAH-ZARAH DALAM GAS, CECAIR DAN PEPEJAL									
Bahan	Cecair bromin, larutan kalium manganat (VII), larutan agar-agar panas, air, kertas tisu									
Radas	Balang gas, penutup balang gas, penitis, tabung uji, rak tabung uji, penyumbat getah, kaki retort dan pengapit									
Susunan alat radas	<p>Susunan alat radas</p> <p>The diagram illustrates three experimental setups for absorption. On the left, 'Resapan gas' shows a gas jar containing bromine vapor and an inverted test tube containing air. In the middle, 'Resapan cecair' shows a test tube containing water and potassium manganate(VII) solution with a dropper. On the right, 'Resapan pepejal' shows a test tube containing agar-agar with a small piece of potassium manganate(VII) crystal on top, held in a rack.</p>									
Prosedur	<p>Resapan gas</p> <ol style="list-style-type: none"> Masukkan beberapa titik cecair bromin ke dalam sebuah penutup balang gas balang gas. Tutup balang gas itu dengan serta-merta dan biarkan untuk beberapa minit. Kemudian, telangkupkan satu balang gas yang berisi udara ke atas balang gas tadi. Alihkan penutup itu. Biarkan radas itu untuk beberapa minit dan rekodkan pemerhatian <p>Resapan cecair</p> <ol style="list-style-type: none"> Masukkan air ke dalam sebuah tabung uji sehingga tiga per empat penuh. Letakkan tabung uji itu di rak tabung uji. Dengan menggunakan penitis, titiskan satu titik larutan kalium manganat(VII) ke dalam tabung uji tersebut. Biarkan tabung uji itu selama beberapa jam dan rekodkan pemerhatian <p>Resapan pepejal</p> <ol style="list-style-type: none"> Isi sebuah tabung uji dengan larutan agar-agar panas sehingga hampir penuh. Biarkan agar-agar itu membeku. Leakkan seketul hablur kalium manganat(VII) yang kecil di atas agar-agar itu. Tutup tabung uji itu dengan penyumbat getah Apitkan tabung uji itu secara telangkup dan biarkan radas selama beberapa hari dan rekodkan pemerhatian. 									
Penjadualan data	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Resapan</th> <th>Pemerhatian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Gas</td> <td>Wap perang memenuhi balang gas dengan sangat cepat dalam 1 minit</td> </tr> <tr> <td>Cecair</td> <td>Air menjadi larutan ungu dalam masa 1 jam</td> </tr> <tr> <td>Pepejal</td> <td>Agar-agar menjadi ungu selepas 3 hari</td> </tr> </tbody> </table>	Resapan	Pemerhatian	Gas	Wap perang memenuhi balang gas dengan sangat cepat dalam 1 minit	Cecair	Air menjadi larutan ungu dalam masa 1 jam	Pepejal	Agar-agar menjadi ungu selepas 3 hari	
Resapan	Pemerhatian									
Gas	Wap perang memenuhi balang gas dengan sangat cepat dalam 1 minit									
Cecair	Air menjadi larutan ungu dalam masa 1 jam									
Pepejal	Agar-agar menjadi ungu selepas 3 hari									
Perbincangan	<ol style="list-style-type: none"> Tabung uji ditelangkupkan dalam resapan pepejal bagi mengelakkan kesan daya tarikan graviti ke atas resapan zarah-zarah Kadar resapan gas adalah paling tinggi diikuti kadar resapan dalam cecair dan pepejal. Ini adalah kerana susunan zarah-zarah dalam gas adalah paling jauh dan mempunyai paling banyak ruang kosong berbanding susunan zarah dalam cecair dan pepejal. Maka zat terlarut dapat mudah meresap dan mengisi ruang kosong antara zarah-zarah gas berbanding cecair dan pepejal. Kadar resapan dalam gas yang lebih ringan seperti klorin adalah lebih tinggi berbanding bromin. Kadar resapan adalah tinggi sekiranya air panas digunakan berbanding air sejuk. Ini adalah kerana tenaga kinetik zarah-zarah dalam air panas lebih tinggi 									

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
 DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

	terdapat banyak ruang kosong dan memudahkan pergerakan zarah terlarut dalam air panas.
Kesimpulan	Kadar resapan adalah paling tinggi dalam gas diikuti cecair dan pepejal

AKTIVITI	MENENTUKAN TAKAT LEBUR DAN TAKAT BEKU NAFTALENA																																																																		
Bahan	Naftalena, air paip																																																																		
Radas	Tabung didih, bikar 250cm ³ , thermometer (0-100°C), tungku kaki tiga, kaki retort dan pengapait, penunu Bunsen, jam randik, kelalang kon, kasa dawai																																																																		
Susunan alat radas	 																																																																		
Prosedur	<ol style="list-style-type: none"> 1. Isi sebuah tabung didih dengan naftalena sehingga satu per tiga penuh. Kemudian letakkan sebatang thermometer ke dalamnya. 2. Apitkan tabung didih itu di dalam sebuah bikar yang separuh diisi air. Pastikan paras naftalena di dalam tabung didih itu adalah di bawah paras air di dalam bikar. 3. Panaskan air dan kacau naftalena secara perlahan-lahan dengan thermometer. Apabila suhu naftalena mencapai 60°C mulakan jam randik 4. Rekodkan suhu dan keadaan naftalena pada sela masa setengah minit sehingga suhu naftalena mencapai 90°C 5. Keluarkan tabung didih dari kukus air dan keringkan permukaan luar tabung didih itu dan letakkannya dengan serta merta ke dalam sebuah kelalang kon. 6. Kacau naftalena secara berterusan 7. Rekodkan suhu dan keadaan naftalena pada sela masa setengah minit sehingga suhu naftalena turun kepada 60°C 8. Rekodkan keputusan di dalam jadual 																																																																		
Penjadualan data	<p>Pemanasan naftalena:</p> <table border="1"> <tr> <td>Masa / minit</td> <td>0.0</td> <td>0.5</td> <td>1.0</td> <td>1.5</td> <td>2.0</td> <td>2.5</td> <td>3.0</td> <td>3.5</td> <td>4.0</td> <td>4.5</td> </tr> <tr> <td>Suhu / °C</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Keadaan</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table> <p>Penyejukan naftalena</p> <table border="1"> <tr> <td>Masa / minit</td> <td>0.0</td> <td>0.5</td> <td>1.0</td> <td>1.5</td> <td>2.0</td> <td>2.5</td> <td>3.0</td> <td>3.5</td> <td>4.0</td> <td>4.5</td> </tr> <tr> <td>Suhu / °C</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Keadaan</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>	Masa / minit	0.0	0.5	1.0	1.5	2.0	2.5	3.0	3.5	4.0	4.5	Suhu / °C											Keadaan											Masa / minit	0.0	0.5	1.0	1.5	2.0	2.5	3.0	3.5	4.0	4.5	Suhu / °C											Keadaan										
Masa / minit	0.0	0.5	1.0	1.5	2.0	2.5	3.0	3.5	4.0	4.5																																																									
Suhu / °C																																																																			
Keadaan																																																																			
Masa / minit	0.0	0.5	1.0	1.5	2.0	2.5	3.0	3.5	4.0	4.5																																																									
Suhu / °C																																																																			
Keadaan																																																																			
Perbincangan																																																																			

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pepejal naftalena tidak dipanaskan secara terus dengan penunu Bunsen kerana naftalena merupakan pepejal yang mudah melejalwap dan mudah terbakar 2. Kukus air digunakan untuk memanaskan naftalena supaya pemanasan yang sekata dijalankan 3. Semasa penyejukan naftalena, tabung didih mesti diletakkan di dalam sebuah kelalang kon bagi mengelakkan naftalena disejukkan dengan terlalu cepat 4. Semasa penyejukan, naftalena perlu dikacau secara berterusan bagi megelakkan penyejukan lampau iaitu suhu menurun di bawah takat beku tanpa kewujudan keadaan pepejal. 5. Takat lebur gula ialah 184°C dan tidak dapat ditentukan dengan kaedah ini kerana takat didih air ialah 100°C dan tidak cukup untuk meleburkan gula. Bagi penentuan takat lebur, air boleh digantikan dengan pasir bagi meleburkan gula.
Kesimpulan	Takat lebur dan takat beku naftalena ialah 80°C

BAB 3 : FORMULA DAN PERSAMAAN KIMIA



AKTIVITI	MENENTUKAN FORMULA EMPIRIK KUPRUM(II)OKSIDA
Bahan	Gas hidrogen, kuprum(II)oksida, kalsium klorida kontang
Radas	Tabung pembakaran yang berlubang kecil di bahagian hujung, penunu Bunsen, penyumbat getah, salur kaca, kaki retort dan pengapit, neraca, tiub U, spatula, bot porselin, kayu uji
Susunan alat radas	
Prosedur	<ol style="list-style-type: none"> 1. Timbang dan rekodkan jisim sebuah tabung pembakaran dengan sebuah bot porselin yang terdapat dalam tabung itu. 2. Isikan satu spatula kuprum(II)oksida ke dalam bot porselin. Kemudian, timbang tabung pembakaran itu sekali lagi 3. Biarkan gas hidrogen mengalir ke dalam tabung pembakaran selama 5 hingga 10 minit untuk menyingkirkan udara ke dalam tabung itu. 4. Kumpulkan satu sampel gas yang terbebas di bahagian hujung tabung pembakaran itu. Uji gas itu untuk menentukan sama ada semua udara di dalam tabung pembakaran telah disingkirkan ataupun tidak 5. Ulang langkah 5 sehingga semua udara di dalam tabung pembakaran itu telah disingkirkan. 6. Bakar gas hidrogen berlebihan yang terbebas di bahagian hujung tabung pembakaran itu. 7. Panaskan kuprum(II)oksida dengan kuat. Padam penunu Bunsen apabila kuprum(II)oksida telah bertukar menjadi perang dengan sepenuhnya. 8. Teruskan pengaliran gas hidrogen sehingga tabung pembakaran telah menyejuk ke suhu bilik

	9. Timbang jisim tabung pembakaran bersama-sama kandungannya 10. Ulangi proses pemanasan, penyejukan dan penimbangan dalam langkah 7 hingga 9 sehingga satu jisim tetap diperoleh. Rekodkan jisim tetap tersebut.												
Penjadualan data	Perkara	Jisim(g)											
	Tabung pembakaran + bot porselin	x											
	Tabung pembakaran + bot porselin + kuprum(II)oksida	y											
	Tabung pembakaran + bot porselin + kuprum	z											
	Kuprum	z-x											
	Oksigen	y-z											
Perbincangan	1. Aktiviti dimulakan dengan kuprum(II)oksida tetapi tidak membiarkan kuprum bertindak balas dengan oksigen dalam udara kerana logam kuprum kurang reaktif terhadap oksigen dan mengambil masa yang lama untuk terbakar dalam oksigen 2. Bagi memastikan semua udara di dalam tabung pembakaran telah disingkirkan sepenuhnya, gas yang keluar dari X dikumpulkan ke dalam sebuah tabung uji dan gas ini diuji dengan kayu uji bernyala. Jika gas itu terbakar dengan senyap tanpa bunyi 'pop' maka semua udara di dalam radas telah disingkirkan. 3. Gas hidrogen yang kering dialirkan melalui radas selama beberapa minit untuk menyingkirkan semua udara iani adalah kerana campuran hidrogen dan udara akan meletup apabila dipanaskan. 4. Hasil kuprum dalam tabung pembakaran disejukkan dalam aliran hidrogen untuk mengelakkan kuprum yang panas daripada dioksidakan semula oleh udara 5. Proses pemanasan, penyejukan dan penimbangan diulang beberapa kali bagi memastikan kuprum(II)oksida telah diturunkan kuprum dengan lengkap. 6.												
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%;">Unsur</td> <td style="width: 33%;">Kuprum</td> <td style="width: 33%;">Oksigen</td> </tr> <tr> <td>Jisim (g)</td> <td style="text-align: center;">z-x</td> <td style="text-align: center;">y-z</td> </tr> <tr> <td>Mol</td> <td style="text-align: center;">$\frac{z-x}{64}$</td> <td style="text-align: center;">$\frac{y-z}{16}$</td> </tr> <tr> <td>Nisbah mol teringkas</td> <td style="text-align: center;">a</td> <td style="text-align: center;">b</td> </tr> </table> Formula empirik kuprum(II)oksida : Cu _a O _b	Unsur	Kuprum	Oksigen	Jisim (g)	z-x	y-z	Mol	$\frac{z-x}{64}$	$\frac{y-z}{16}$	Nisbah mol teringkas	a	b
Unsur	Kuprum	Oksigen											
Jisim (g)	z-x	y-z											
Mol	$\frac{z-x}{64}$	$\frac{y-z}{16}$											
Nisbah mol teringkas	a	b											
Kesimpulan	Formula empirik kuprum(II)oksida : Cu _a O _b												

AKTIVITI	MENENTUKAN FORMULA EMPIRIK MAGNESIUM OKSIDA
Bahan	10 cm pita magnesium, kertas pasir
Radas	Mangkuk pijar dan penutup, penyepit, penunu Bunsen, tungku kaki tiga, alas segi tiga tanah liat
Susunan alat radas	
Prosedur	1. Timbang mangkuk pijar dan penutupnya 2. Gosok dan bersihkan 10cm pita magnesium dengan kertas pasir 3. Gulung pita itu dan letakkan gulungan tersebut ke dalam mangkuk pijar 4. Timbang mangkuk pijar bersama-sama penutup dan gegelung pita itu 5. Mula-mula, panaskan mangkuk pijar dengan kuat tanpa penutupnya

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA




	<p>6. Apabila pita magnesium mula terbakar, tutup mangkuk pijar dengan penutup</p> <p>7. Dengan menggunakan penyepit, buka penutup itu sedikit sekali sekala dan tutup semula penutup itu dengan cepat</p> <p>8. Apabila pembakaran magnesium telah lengkap, alihkan penutupnya dan panaskan mangkuk pijar dengan kuat selama 1 hingga 2 minit</p> <p>9. Tutup mangkuk pijar bersama-sama penutup dan kandungannya sekali lagi</p> <p>10. Timbang mangkuk pijar bersama-sama penutup dan kandungannya sekali lagi</p> <p>11. Ulangi proses pemanasan, penyejukan dan penimbangan sehingga jisim tetap diperolehi. Rekodkan jisim tetap itu</p>												
Penjadualan data	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Jisim(g)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Mangkuk pijar + penutup</td> <td>x</td> </tr> <tr> <td>Mangkuk pijar + penutup + magnesium</td> <td>y</td> </tr> <tr> <td>Mangkuk pijar + penutup + magnesium oksida</td> <td>z</td> </tr> <tr> <td>Magnesium</td> <td>y-x</td> </tr> <tr> <td>Oksigen</td> <td>z-y</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Jisim(g)	Mangkuk pijar + penutup	x	Mangkuk pijar + penutup + magnesium	y	Mangkuk pijar + penutup + magnesium oksida	z	Magnesium	y-x	Oksigen	z-y
	Perkara	Jisim(g)											
	Mangkuk pijar + penutup	x											
	Mangkuk pijar + penutup + magnesium	y											
	Mangkuk pijar + penutup + magnesium oksida	z											
Magnesium	y-x												
Oksigen	z-y												
Perbincangan	<p>1. Pita magnesium dibersihkan dengan kertas pasir sebelum digunakan untuk menyingkirkan lapisan oksida dipermukaannya</p> <p>2. Wasap putih yang terhasil ialah magnesium oksida</p> <p>3. Mangkuk pijar ditutup dengan penutup sebaik sahaja magnesium mula terbakar bagi mengelakkan wasap putih keluar ke udara</p> <p>4. Penutup mangkuk pijar dibuka sedikit sekali-sekala bagi membenarkan udara masuk supaya pembakaran magnesium dapat diteruskan</p> <p>5. Proses pemanasan, penyejukan dan penimbangan diulang sehingga jisim tetap diperolehi bagi memastikan semua magnesium telah bertukar kepada magnesium oksida</p> <p>6. Wasap putih dalam mangkuk pijar dielakkan daripada terbebas bagi mendapatkan jisim yang tetap bagi pembentukan magnesium oksida</p> <p>7.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Unsur</th> <th>Magnesium</th> <th>Oksigen</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jisim (g)</td> <td>y-x</td> <td>z-y</td> </tr> <tr> <td>Mol</td> <td>$\frac{y-x}{24}$</td> <td>$\frac{z-y}{16}$</td> </tr> <tr> <td>Nisbah bol teringkas</td> <td>a</td> <td>b</td> </tr> </tbody> </table> <p>Formula empirik magnesium oksida :Mg_aO_b</p>	Unsur	Magnesium	Oksigen	Jisim (g)	y-x	z-y	Mol	$\frac{y-x}{24}$	$\frac{z-y}{16}$	Nisbah bol teringkas	a	b
	Unsur	Magnesium	Oksigen										
	Jisim (g)	y-x	z-y										
	Mol	$\frac{y-x}{24}$	$\frac{z-y}{16}$										
	Nisbah bol teringkas	a	b										
	Kesimpulan	Formula empirik magnesium oksida :Mg _a O _b											

AKTIVITI	MENULIS PERSAMAAN KIMIA YANG SEIMBANG
Bahan	Serbuk kuprum(II)karbonat, air kapur, asid hidroklorik pekat, larutam ammonia pekat, larutan plumbum(II)nitrat, larutan kalium iodide
Radas	Tabung uji, salur penghantar dan penyumbat getah, pemegang tabung uji, penunu Bunsen, penyumbat tabung uji, salur kaca
Susunan alat radas	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p>Serbuk kuprum(II) karbonat</p>  <p>Panaskan</p> <p>Air kapur</p> <p>Pemanasan kuprum(II)karbonat</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Gas hidrogen klorida</p> <p>Gas ammonia</p> <p>Pembentukan ammonium klorida</p> </div> </div>


	 <p style="text-align: center;">Pemendakan plumbum(II)iodida</p>																																													
<p>Prosedur</p>	<p>Pemanasan kuprum(II)karbonat</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Isikan setengan spatula serbuk kuprum(II)karbonat ke dalam sebuah tabung uji. Perhatikan warna serbuk itu. 2. Panaskan kuprum(II)karbonat dan alirkan gas yang terhasil ke dalam sebuah tabung uji yang mengandungi air kapur. Perhatikan perubahan yang berlaku pada kuprum(II)karbonat dan air kapur itu. 3. Apabila tindak balas selesai, keluarkan salur penghantar dari air kapur dan alihkan penunu Bunsen 5. Rekodkan pemerhatian di dalam jadual <p>Pembentukan ammonium klorida</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan menggunakan salur kaca, masukkan tiga atau empat titis asid hidroklorik pekat ke dalam sebuah tabung uji. Tutup mulut tabung uji dengan penyumbat dan biarkannya sela abeberapa minit 2. Dengan menggunakan salur kaca yang bersih, masukkan tiga atau empat titis larutan ammonia pekat ke dalam sebuah tabung uji yang lain. Tutup mulut tabung uji dengan penyumbat dan biarkannya selama beberapa minit 3. Alihkan penyumbat pada kedua-dua buah tabung uji itu. Dengan serta merta, dekatkan mulut tabung uji tersebut dan rekodkan pemerhatian dalam jadual <p>Pemendakan plumbum(II)iodida</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tuangkan 2cm³ larutan plumbum(II)nitrat ke dalam sebuah tabung uji 2. Tuangkan 2 cm³ larutan kalium iodida ke dalam sebuah tabung uji yang lain 3. Tuangkan larutan kalium iodida ke dalam larutan plumbum(II)nitrat 4. Goncang campuran tersebut dan perhatikan perubahan yang berlaku dan catatkan dalam jadual 																																													
<p>Penjadualan data</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Eksperimen</th> <th>Pemerhatian</th> <th>Inferens</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Air kapur menjadi keruh</td> <td>Gas karbon dioksida hadir</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Wasap putih terhasil</td> <td>Pepejal ammonium klorida terbentuk</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Mendakan kuning terbentuk</td> <td>Pepejal Plumbum(II)iodida terhasil</td> </tr> </tbody> </table>	Eksperimen	Pemerhatian	Inferens	1	Air kapur menjadi keruh	Gas karbon dioksida hadir	2	Wasap putih terhasil	Pepejal ammonium klorida terbentuk	3	Mendakan kuning terbentuk	Pepejal Plumbum(II)iodida terhasil																																	
Eksperimen	Pemerhatian	Inferens																																												
1	Air kapur menjadi keruh	Gas karbon dioksida hadir																																												
2	Wasap putih terhasil	Pepejal ammonium klorida terbentuk																																												
3	Mendakan kuning terbentuk	Pepejal Plumbum(II)iodida terhasil																																												
<p>Perbincangan</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Eksperimen</th> <th>Bahan tindak balas</th> <th>Keadaan</th> <th>Formula kimia</th> <th>Hasil tindak balas</th> <th>Keadaan</th> <th>Formula kimia</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">1</td> <td rowspan="2">Kuprum(II)karbonat</td> <td rowspan="2">Pepejal</td> <td rowspan="2">CuCO₃</td> <td>Kuprum(II)oksida</td> <td>Pepejal</td> <td>CuO</td> </tr> <tr> <td>Karbon dioksida</td> <td>gas</td> <td>CO₂</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">2</td> <td>Hidrogen klorida</td> <td>Gas</td> <td>HCl</td> <td rowspan="2">Ammonium klorida</td> <td rowspan="2">gas</td> <td rowspan="2">NH₄Cl</td> </tr> <tr> <td>Ammonia</td> <td>Gas</td> <td>NH₃</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">3</td> <td>Plumbum (II)nitrat</td> <td>Larutan akues</td> <td>Pb(NO₃)₂</td> <td>Plumbum(II)iodida</td> <td>Pepejal</td> <td>PbI₂</td> </tr> <tr> <td>Kalium iodida</td> <td>Larutan akues</td> <td>KI</td> <td>Kalium nitrat</td> <td>Larutan akues</td> <td>KNO₃</td> </tr> </tbody> </table>						Eksperimen	Bahan tindak balas	Keadaan	Formula kimia	Hasil tindak balas	Keadaan	Formula kimia	1	Kuprum(II)karbonat	Pepejal	CuCO ₃	Kuprum(II)oksida	Pepejal	CuO	Karbon dioksida	gas	CO ₂	2	Hidrogen klorida	Gas	HCl	Ammonium klorida	gas	NH ₄ Cl	Ammonia	Gas	NH ₃	3	Plumbum (II)nitrat	Larutan akues	Pb(NO ₃) ₂	Plumbum(II)iodida	Pepejal	PbI ₂	Kalium iodida	Larutan akues	KI	Kalium nitrat	Larutan akues	KNO ₃
Eksperimen	Bahan tindak balas	Keadaan	Formula kimia	Hasil tindak balas	Keadaan	Formula kimia																																								
1	Kuprum(II)karbonat	Pepejal	CuCO ₃	Kuprum(II)oksida	Pepejal	CuO																																								
				Karbon dioksida	gas	CO ₂																																								
2	Hidrogen klorida	Gas	HCl	Ammonium klorida	gas	NH ₄ Cl																																								
	Ammonia	Gas	NH ₃																																											
3	Plumbum (II)nitrat	Larutan akues	Pb(NO ₃) ₂	Plumbum(II)iodida	Pepejal	PbI ₂																																								
	Kalium iodida	Larutan akues	KI	Kalium nitrat	Larutan akues	KNO ₃																																								

	Persamaan kimia: 1) $\text{CuCO}_3 \rightarrow \text{CuO} + \text{CO}_2$ 2) $\text{HCl} + \text{NH}_3 \rightarrow \text{NH}_4\text{Cl}$ 3) $\text{Pb}(\text{NO}_3)_2 + 2\text{KI} \rightarrow \text{PbI}_2 + 2\text{KNO}_3$
Kesimpulan	Persamaan kimia menunjukkan bahan pemula yang digunakan, nisbah bahan-bahan tersebut dan bahan baharu yang terhasil

BAB 4 : JADUAL BERKALA UNSUR


AKTIVITI	MENGAJAI KEKERASAN, KETUMPATAN DAN TAKAT LEBUR LOGAM ALKALI														
Bahan	Litium, natrium, kalium dan air														
Radas	Jubin seramik, pisau kecil, besen, sudu balang gas, penunu Bunsen														
Susunan alat radas	 Kekerasan	 Ketumpatan	 Takat lebur												
Prosedur	<p>Kekerasan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Potong seketul litium, natrium dan akalium di atas sekeping Jubin seramik dengan menggunakan pisau Perhatikan sama ada logam-logam ini mudah dipotong ataupun tidak dan rekoskan pemerhatian. <p>Ketumpatan</p> <ol style="list-style-type: none"> Letakkan secebis litium, natrium dan kalium yang kecil masing-masing ke dalam tiga besen yang mengandungi air. Perhatikan sama ada logam-logam ini terapung di atas permukaan air ataupun tidak dan rekodkan pemerhatian <p>Takat lebur</p> <ol style="list-style-type: none"> Letakkan seketul litium, natrium dan kalium yang kecil masing-masing pada sudu balang gas yang berlainan Hangatkan setiap logam ini dengan menggunakan nyalaan api yang kecil Perhatikan sama ada setiap logam ini mudah melebur dan rekodkan pemerhatian 														
Penjadualan data	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bahagian</th> <th>Pemerhatian</th> <th>Inferens</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>A</td> <td>Semua logam mudah dipotong</td> <td>Semua logam alkali lembut</td> </tr> <tr> <td>B</td> <td>Semua logam alkali terapung diatas air</td> <td>Semua logam alkali mempunyai ketumpatan yang rendah</td> </tr> <tr> <td>C</td> <td>Semua logam alkali melebur dengan cepat</td> <td>Semua logam alkali mempunyai takat lebur yang rendah</td> </tr> </tbody> </table>	Bahagian	Pemerhatian	Inferens	A	Semua logam mudah dipotong	Semua logam alkali lembut	B	Semua logam alkali terapung diatas air	Semua logam alkali mempunyai ketumpatan yang rendah	C	Semua logam alkali melebur dengan cepat	Semua logam alkali mempunyai takat lebur yang rendah		
Bahagian	Pemerhatian	Inferens													
A	Semua logam mudah dipotong	Semua logam alkali lembut													
B	Semua logam alkali terapung diatas air	Semua logam alkali mempunyai ketumpatan yang rendah													
C	Semua logam alkali melebur dengan cepat	Semua logam alkali mempunyai takat lebur yang rendah													
Perbincangan	Semua logam alkali lembut, mempunyai ketumpatan dan takat lebur yang rendah.														

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

EKSPERIMEN	MENGKAJI SIFAT KIMIA LITIMUM, NATRIUM DAN KALIUM TERHADAP AIR	
Pernyataan masalah	Bagaimanakah kereaktifan unsur Kumpulan 1 berubah apabila unsur-unsur ini bertindak balas dengan air	
Hipotesis	Apabila menuruni Kumpulan 1, tindak balas antara logam alkali dengan air menjadi semakin reaktif	
Pemboleh ubah	Manipulasi : Jenis logam alkali Gerak balas : Kereaktifan logam Dimalarkan : Isi padu air, saiz logam	
Bahan	Ketulan litium, natrium dan kalium yang kecil, kertas turas, air suling, kertas litmus merah	
Radas	Besen, pisau kecil, forceps	
Susunan alat radas		
Prosedur	<ol style="list-style-type: none"> Potong sedikit litium dengan menggunakan pisau dan forceps Keringkan minyak pada permukaan litium dengan menggunakan kertas turas Letakkan potongan litium itu dengan perlahan-lahan ke dalam sebuah besen yang mengandungi air Sebaik sahaja tindak balas selesai, uji larutan yang terhasil dengan kertas litmus merah Langkah 1 hingga 4 diulangi dengan menggunakan natrium dan kemudian kalium serta rekodkan pemerhatian dalam jadual 	
Penjadualan data	Unsur	Pemerhatian
	Litium	Litium bergerak secara perlahan dipermukaan air dengan bunyi 'hiss'. Satu larutan tidak berwarna terhasil yang menukarkan kertas litmus merah kepada biru
	Narium	Natrium melebur menjadi sfera, bergerak cepat secara rawak dengan bung 'hiss' yang kuat dipermukaan air. Satu larutan tidak berwarna terhasil yang menukarkan kertas litmus merah kepada biru
	Kalium	Kalium melebur menjadi sfera serta terbakar dengan nyala ungu-kemerahan, bergerak secara melompat-lompat dipemrukaan air dengan sangat cepat dan mengeluarkan bunyi 'hiss' serta 'pop' yang kuat. Satu larutan tidak berwarna terhasil yang menukarkan kertas litmus merah kepada biru
Perbincangan	<ol style="list-style-type: none"> Susunan kereaktifan logam alkali mengikut tertib menaik ialah litium, natrium dan kalium Semua logam alkali menunjukkan sifat kimia yang serupa kerana semua unsur kumpulan 1 mempunyai satu elektron valens di petala terluar. Semua unsur kumpulan 1 cenderung untuk melepaskan satu elektron untuk mencapai susunan elektron yang stabil Kertas litmus merah bertukar menjadi biru kerana larutan yang dihasilkan bersifat alkali iaitu larutan logam hidroksida terbentuk. Persamaan kimia untuk tindak balas unsur kumpulan 1 dengan air ialah : $2\text{Li} + 2\text{H}_2\text{O} \rightarrow 2\text{LiOH} + \text{H}_2$ $2\text{Na} + 2\text{H}_2\text{O} \rightarrow 2\text{NaOH} + \text{H}_2$ $2\text{K} + 2\text{H}_2\text{O} \rightarrow 2\text{KOH} + \text{H}_2$ 	

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

Kesimpulan	Apabila menuruni Kumpulan 1, tindak balas antara logam alkali dengan air menjadi semakin reaktif
-------------------	--

EKSPERIMEN	MENGAJI SIFAT KIMIA LITIMUM, NATRIUM DAN KALIUM TERHADAP OKSIGEN	
Pernyataan masalah	Bagaimanakah kereaktifan unsur Kumpulan 1 berubah apabila unsur-unsur ini bertindak balas dengan oksigen	
Hipotesis	Apabila menuruni Kumpulan 1, tindak balas antara logam alkali dengan oksigen menjadi semakin reaktif	
Pemboleh ubah	Manipulasi : Jenis logam alkali Gerak balas : Kereaktifan logam Dimalarkan : Isi padu air, saiz logam	
Bahan	Ketulan litium, natrium dan kalium yang kecil, kertas turas, kertas litmus merah, tiga balang gas yang berisi gas oksigen	
Radas	Besen, pisau kecil, forceps, balang gas, sudu balang gas, penutup balang gas	
Susunan alat radas		
Prosedur	<ol style="list-style-type: none"> Potong sedikit litium dengan menggunakan pisau dan forceps Keringkan minyak pada permukaan litium dengan menggunakan kertas turas Letakkan potongan litium itu pada sudu balang gas Panaskan potongan litium itu dengan kuat sehingga terbakar Pindahkan sudu balang gas dengan cepat ke dalam sebuah balang gas yang berisi gas oksigen dan perhatikan perubahan yang berlaku Apabila tindak balas selesai, tuangkan 10cm³ air ke dalam balang gas itu. Goncangkan balang gas itu dan uji dengan kertas litmus merah dan rekodkan pemerhatian. Langkah 1 hingga 6 diulangi dengan menggunakan natrium dan kemudian kalium serta rekodkan pemerhatian dalam jadual 	
Penjadualan data	Unsur	Pemerhatian
	Litium	Litium terbakar dengan nyala merah secara perlahan-lahhan membebaskan wasap putih yang menjadi pepejal putih apabila disejukkan ke suhu bilik. Pepejal putih terlarut dalam air dan kertas litmus merah menjadi biru
	Natrium	Natrium terbakar dengan nyala kuning secara cepat dan terang membebaskan wasap putih yang menjadi pepejal putih apabila disejukkan ke suhu bilik. Pepejal putih terlarut dalam air dan kertas litmus merah menjadi biru
	Kalium	Kalium terbakar dengan nyala ungu kemerahan dengan kadar yang sangat cepat dan sangat terang membebaskan wasap putih yang menjadi pepejal putih apabila disejukkan ke suhu bilik. Pepejal putih terlarut dalam air dan kertas litmus merah menjadi biru
Perbincangan	<ol style="list-style-type: none"> Persamaan kimia untuk tindak balas unsur kumpulan 1 dengan oksigen: $4\text{Li} + \text{O}_2 \rightarrow 2\text{Li}_2\text{O}$ 	

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

	$4\text{Na} + \text{O}_2 \rightarrow 2\text{Na}_2\text{O}$ $4\text{K} + \text{O}_2 \rightarrow 2\text{K}_2\text{O}$ 2. Persamaan kimia bagi tindak balas antara hasil pembakaran logam alkali dengan air $\text{Li}_2\text{O} + \text{H}_2\text{O} \rightarrow 2\text{LiOH}$ $\text{Na}_2\text{O} + \text{H}_2\text{O} \rightarrow 2\text{NaOH}$ $\text{K}_2\text{O} + \text{H}_2\text{O} \rightarrow 2\text{KOH}$
Kesimpulan	Apabila menuruni Kumpulan 1, tindak balas antara logam alkali dengan oksigen menjadi semakin reaktif

EKSPERIMEN	MENGENAL SIFAT KIMIA UNSUR KUMPULAN 17 DENGAN AIR		
Pernyataan masalah	Bagaimanakah halogen bertindak balas dengan air		
Hipotesis	Halogen membentuk larutan berasid dan menunjukkan sifat kelunturan apabila bertindak balas dengan air dan kereaktifan berkurang apabila menuruni kumpulan 17		
Pemboleh ubah	Manipulasi : Jenis halogen Gerak balas : Sifat keasidan dan sifat kelunturan Dimalarkan : Isi padu air		
Bahan	Gas klorin, cecair bromin, pepejal iodin, kertas litmus biru, air		
Radas	Tabung uji, penitis, pemegang tabung uji, penyumbat getah, salur penghantar		
Susunan alat radas			
Prosedur	<p>Klorin dengan air</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Alirkan gas klorin ke dalam sebuah tabung uji yang mengandungi 5 cm³ air suling 2. Masukkan sehelai kertas litmus biru ke dalam larutan yang terhasil dan perhatikan sebarang perubahan warna dan rekodkan pemerhatian <p>Bromin dengan air</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Titiskan dua titik cecair bromin ke dalam sebuah tabung uji yang mengandungi 5 cm³ air suling 2. Tutup tabung uji dengan penyumbat getah dan goncangkannya dengan kuat sehingga tiada perubahan lagi 3. Masukkan sehelai kertas litmus biru ke dalam larutan yang terhasil dan perhatikan sebarang perubahan warna dan rekodkan pemerhatian <p>Iodin dengan air</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Masukkan seketul iodin yang kecil ke dalam sebuah tabung uji yang mengandungi 5 cm³ air suling 2. Tutup tabung uji dengan penyumbat getah dan goncangkannya dengan kuat sehingga tiada perubahan lagi 3. Masukkan sehelai kertas litmus biru ke dalam larutan yang terhasil dan perhatikan sebarang perubahan warna dan rekodkan pemerhatian 		
Penjadualan data	Unsur	Pemerhatian	Inferens
	Klorin	Gas klorin terlarut dalam air secara perlahan-lahan dan menghasilkan larutan kuning muda. Larutan ini	Air klorin bersifat asid dan

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

		menukarkan kertas litmus biru kepada merah dan melunturkan menjadi putih	merupakan agen peluntur
	Bromin	Cecair bromin larut sedikit dalam air secara perlahan-lahan dan menghasilkan larutan perang kemerahan. Larutan ini menukarkan kertas litmus biru kepada merah dan melunturkan menjadi putih dengan kadar yang lebih perlahan berbanding gas klorin	Cecair bromin bersifat asid dan merupakan agen peluntur
	Iodin	Pepejal iodin hampir tidak larut dalam air dan larut sedikit sahaja untuk menghasilkan larutan kuning muda. Larutan ini menukarkan kertas litmus biru kepada merah sahaja dan tidak melunturkan warna kertas litmus	Pepejal iodin bersifat asid dan tidak bersifat agen peluntur
Perbincangan	<p>1. Persamaan kimia bagi tindak balas unsur halogen dengan air</p> $\text{Cl}_2 + \text{H}_2\text{O} \rightleftharpoons \text{HCl} + \text{HOCl}$ $\text{Br}_2 + \text{H}_2\text{O} \rightleftharpoons \text{HBr} + \text{HOBr}$ $\text{I}_2 + \text{H}_2\text{O} \rightleftharpoons \text{HI} + \text{HOI}$ <p>2. Susunan kereaktifan unsur halogen mengikut tertib menaik ialah iodin, bromin dan klorin</p> <p>2. Semua unsur halogen menunjukkan sifat kimia yang serupa kerana semua unsur halogen mempunyai tujuh elektron valens di petala terluar. Semua unsur halogen cenderung untuk menerima satu elektron untuk mencapai susunan elektron yang stabil</p> <p>3. Kertas litmus biru bertukar menjadi merah kerana larutan yang dihasilkan bersifat asid dan juga merupakan agen peluntur</p>		
Kesimpulan	Halogen membentuk larutan berasid dan menunjukkan sifat kelunturan apabila bertindak balas dengan air		

EKSPERIMEN	MENGAJI SIFAT KIMIA UNSUR KUMPULAN 17 DENGAN FERUM
Pernyataan masalah	Bagaimanakah halogen bertindak balas dengan ferum
Hipotesis	Halogen membentuk ferum(III)halida apabila bertindak balas dengan ferum dan kereaktifan berkurang apabila menurun kumpulan 17
Pemboleh ubah	Manipulasi : Jenis halogen Gerak balas : Pembentukan ferum(III)halida Dimalarkan : Kuantiti wul besi
Bahan	Gas klorin, cecair bromin, pepejal iodin, wul besi, soda kapur
Radas	Tabung uji, penitis, pemegang tabung uji, penyumbat getah, salur penghantar, tabung pembakaran, penunu Bunsen, kaki retort dan pengapit

<p>Susunan alat radas</p>															
<p>Prosedur</p>	<p>Klorin dengan ferum</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Panaskan wul besi di dalam tabung pembakaran dengan kuat 2. Apabila wul besi menjadi merah menyala, alirkan gas klorin melalui wul besi yang panas sehingga tiada perubahan lagi. Semua perubahan diperhatikan dan direkodkan. <p>Bromin dengan ferum</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Panaskan wul besi di dalam tabung pembakaran dengan kuat 2. Apabila wul besi menjadi merah menyala, hangatkan cecair bromin di dalam tabung uji untuk mengewapkannya. 3. Alirkan gas bromin melalui wul besi yang panas sehingga tiada perubahan lagi. Semua perubahan diperhatikan dan direkodkan. <p>Iodin dengan ferum</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Panaskan wul besi di dalam tabung pembakaran. 2. Apabila wul besi menjadi merah menyala, panaskan hablur iodin di dalam tabung uji untuk memajalkannya 3. Alirkan wap bromin melalui wul besi yang panas sehingga tiada perubahan lagi. Semua perubahan diperhatikan dan direkodkan. 														
<p>Penjadualan data</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Unsur</th> <th>Pemerhatian</th> <th>Inferens</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Klorin</td> <td>Wul besi terus menyala dengan amat terang dan cepat untuk menghasilkan satu serbuk berwarna perang</td> <td>Ferum(III)klorida terhasil</td> </tr> <tr> <td>Bromin</td> <td>Wul besi berbara dengan terang dan perlahan-lahan untuk menghasilkan serbuk yang berwarna perang</td> <td>Ferum(III)bromida terhasil</td> </tr> <tr> <td>Iodin</td> <td>Wul besi berbara secara malap dan sangat perlahan untuk menghasilkan serbuk yang berwarna perang</td> <td>Ferum(III)iodida terhasil</td> </tr> </tbody> </table>	Unsur	Pemerhatian	Inferens	Klorin	Wul besi terus menyala dengan amat terang dan cepat untuk menghasilkan satu serbuk berwarna perang	Ferum(III)klorida terhasil	Bromin	Wul besi berbara dengan terang dan perlahan-lahan untuk menghasilkan serbuk yang berwarna perang	Ferum(III)bromida terhasil	Iodin	Wul besi berbara secara malap dan sangat perlahan untuk menghasilkan serbuk yang berwarna perang	Ferum(III)iodida terhasil		
Unsur	Pemerhatian	Inferens													
Klorin	Wul besi terus menyala dengan amat terang dan cepat untuk menghasilkan satu serbuk berwarna perang	Ferum(III)klorida terhasil													
Bromin	Wul besi berbara dengan terang dan perlahan-lahan untuk menghasilkan serbuk yang berwarna perang	Ferum(III)bromida terhasil													
Iodin	Wul besi berbara secara malap dan sangat perlahan untuk menghasilkan serbuk yang berwarna perang	Ferum(III)iodida terhasil													
<p>Perbincangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fungsi soda kapur dalam eksperimen ini ialah untuk menyerap gas halogen yang berlebihan 2. Persamaan kimia bagi tindak balas unsur halogen dengan ferum $2Fe + 3Cl_2 \rightarrow 2FeCl_3$ $2Fe + 3Br_2 \rightarrow 2FeBr_3$ $2Fe + 3I_2 \rightarrow 2FeI_3$ 3. Wul besi dipanaskan terlebih dahulu sebelum dilakukan gas halogen bagi meningkatkan kadar tindak balas antara bahan tindak balas 														
<p>Kesimpulan</p>	<p>Halogen membentuk ferum(III)halida apabila bertindak balas dengan ferum</p>														

EKSPERIMEN	MENGKAJI SIFAT KIMIA UNSUR KUMPULAN 17 DENGAN NATRIUM HIDROKSIDA		
Pernyataan masalah	Bagaimanakah halogen bertindak balas dengan natrium hidroksida		
Hipotesis	Halogen membentuk natrium halida dan natrium hipohalat (I) apabila bertindak balas dengan natrium hidroksida dan kereaktifan berkurang apabila menurun kumpulan 17		
Pemboleh ubah	Manipulasi : Jenis halogen Gerak balas : Pembentukan natrium halida dan natrium hipohalat(I) Dimalarkan : Kuantiti natrium hidroksida		
Bahan	Gas klorin, cecair bromin, pepejal iodin, larutan natrium hidroksida 2mol dm ⁻³		
Radas	Tabung uji, penitis, pemegang tabung uji, penyumbat getah, salur penghantar		
Susunan alat radas			
Prosedur	<p>Klorin dengan larutan natrium hidroksida</p> <ol style="list-style-type: none"> Alirkan 2cm³ gas klorin ke dalam sebuah tabung uji yang mengandungi 2cm³ larutan natrium hidroksida. Tutup tabung uji dengan penyumbat getah dan goncangkan larutan yang terbentuk sehingga tiada perubahan lagi. Semua perubahan diperhatikan dan direkodkan. <p>Bromin dengan larutan natrium hidroksida</p> <ol style="list-style-type: none"> Titiskan dua titik cecair bromin ke dalam sebuah tabung uji yang mengandungi 2cm³ larutan natrium hidroksida. Tutup tabung uji dengan penyumbat getah dan goncangkan larutan yang terbentuk dengan kuat sehingga tiada perubahan lagi. Semua perubahan diperhatikan dan direkodkan. <p>Iodin dengan larutan natrium hidroksida</p> <ol style="list-style-type: none"> Tambahkan seketul pepejal iodin yang kecil ke dalam sebuah tabung uji yang mengandungi 2cm³ larutan natrium hidroksida. Tutup tabung uji dengan penyumbat getah dan goncangkan larutan yang terbentuk dengan kuat sehingga tiada perubahan lagi. Semua perubahan diperhatikan dan direkodkan. 		
Penjadualan data	Unsur	Pemerhatian	Inferens
	Klorin	Gas klorin larut dengan cepat dalam larutan natrium hidroksida dan membentuk larutan tidak berwarna	Larutan natrium klorida dan natrium hipoklorat(I) serta air terhasil
	Bromin	Cecair bromin terlarut dengan sederhana cepat untuk menghasilkan larutan yang hampir tidak berwarna	Larutan natrium bromida dan natrium hipobromat(I) serta air terhasil
	Iodin	Pepejal iodin larut dengan perlahan-lahan untuk menghasilkan larutan yang hampir tidak berwarna	Larutan natrium iodida dan natrium

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

		hipiodat(I) serta air terhasil
Perbincangan	1. Persamaan kimia bagi tindak balas antara halogen dengan natrium hidroksida $2\text{NaOH} + \text{Cl}_2 \rightarrow \text{NaCl} + \text{NaOCl} + \text{H}_2\text{O}$ $2\text{NaOH} + \text{Br}_2 \rightarrow \text{NaBr} + \text{NaOBr} + \text{H}_2\text{O}$ $2\text{NaOH} + \text{I}_2 \rightarrow \text{NaI} + \text{NaOI} + \text{H}_2\text{O}$	
Kesimpulan	Halogen membentuk natrium halida dan natrium hipohalat (I) apabila bertindak balas dengan natrium hidroksida	

EKSPERIMEN		MENGAJI SIFAT OKSIDA UNSUR KALA 3				
Pernyataan masalah	Bagaimakah sifat asid-bes oksida unsur Kala 3 berubah apabila merentas kali ini?					
Hipotesis	Sifat oksida asid bertambah manakala sifat bes oksida unsur berkurang apabila merentas kala 3					
Pemboleh ubah	Manipulasi : Oksida unsur kala 3 Gerak balas : Sifat oksida asid dan sifat oksida bes Dimalarkan : Isipadu asid nitrik					
Bahan	natrium oksida, magnesium oksida, aluminium oksida, silikon(IV)oksida, fosforus pentoksida, gas sulfur dioksida, diklorin heptoksida, penunjuk semesta, asid nitrik 2mol dm^{-3} , larutan natrium hidroksida 2mol dm^{-3}					
Radas	Tabung didih, tabung uji, balang gas, penutup balang gas, selinder penyukat 100cm^3					
Susunan alat radas						
Prosedur	1. Satu spatula serbuk putih natrium oksida diletakkan ke dalam sebuah tabung uji. 2. 5 cm^3 air suling dicampur dan digoncangkan dengan penyumbat getah 3. Kemudian dua titik penunjuk semesta ditambah dan digoncangkan semula dan pH larutan yang terhasil direkodkan. 4. Seterusnya dua tabung uji yang berisi 5 cm^3 asid nitrik dan larutan natrium hidroksida masing-masing disediakan. 5. Satu spatula serbuk putih natrium oksida diletakkan ke dalam ke dua-dua tabung uji tersebut dan digoncangkan dengan kuat. Semua perubahan yang diperhatikan direkodkan. 6. Langkah 1 hingga 5 diulangi dengan menggunakan pepejal magnesium oksida, pepejal aluminium oksida, pepejal silikon(IV)oksida, pepejal fosforus pentoksida, gas sulfur dioksida dan cecair diklorin heptoksida					
Penjadualan data	Oksida unsur	Keterlarutan dalam air	Kesan penunjuk semesta	Keterlarutan dalam asid	Keterlarutan dalam alkali	Inferens
	Natrium oksida	Serbuk putih terlarut bagi menghasilkan	pH larutan ialah 13-14	Serbuk putih terlarut bagi menghasilkan	Tidak larut	Oksida yang bersifat bes


KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA

		larutan tidak berwarna	iaitu alkali kuat	larutan tidak berwarna		
	Magnesium oksida	Serbuk putih terlarut sedikit bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	pH larutan ialah 8-9 iaitu alkali lemah	Serbuk putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	Tidak larut	Oksida yang bersifat bes
	Aluminium oksida	Serbuk putih tidak larut dalam air	pH larutan ialah 7-8 iaitu alkali lemah	Serbuk putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	Serbuk putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	Oksida v=bersifat amfoterik
	Silikon(IV) oksida	Serbuk putih tidak larut dalam air	pH larutan ialah 6-7 iaitu asid lemah	Tidak larut	Serbuk putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	Oksida yang bersifat asid
	Fosforus pentoksida	Pepejal putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	pH larutan ialah 2-3 iaitu berasid	Tidak larut	pepejal putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	Oksida yang bersifat asid
	Sulfur dioksida	Gas tidak berwarna terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	pH larutan ialah 3 iaitu berasid	Tidak larut	Gas tidak berwarna terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	Oksida yang bersifat asid
	Diklorin heptoksida	Cecair putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	pH larutan ialah 1 iaitu berasid	Tidak larut	Cecair putih terlarut bagi menghasilkan larutan tidak berwarna	Oksida yang bersifat asid
Perbincangan	1. Sifat keasidan bagi oksida unsur bertambah dan sifat bes bagi oksida unsur berkurang apabila merentasi kala 3 2. Sifat kelogaman unsur berkurang apabila merentas kala 3 3. Bagi menguji sifat ais-bes oksida unsur 4. Persamaan kimia bagi tindak balas oksida unsur dengan air $\text{Na}_2\text{O} + \text{H}_2\text{O} \rightarrow \text{NaOH} + \text{H}_2$ $\text{MgO} + \text{H}_2\text{O} \rightarrow \text{Mg(OH)}_2 + \text{H}_2$ $\text{P}_4\text{O}_{10} + 6\text{H}_2\text{O} \rightarrow 4\text{H}_3\text{PO}_4$ $\text{SO}_2 + \text{H}_2\text{O} \rightarrow \text{H}_2\text{SO}_3$ $\text{Cl}_2\text{O}_7 + \text{H}_2\text{O} \rightarrow 2\text{HClO}_4$					
Kesimpulan	Sifat oksida asid bertambah manakala sifat bes oksida unsur berkurang apabila merentas kala 3					

BAB 5 : IKATAN KIMIA

AKTIVITI	MEMBANDINGKAN SIFAT SEBATIAN ION DAN SEBATIAN KOVALEN
Bahan	Magnesium klorida, natrium sulfat, dietil eter, heksana, air sulingg, sikloheksana, pepejal plumbum(II)bromida, naftalena
Radas	Mangkuk penyejat, tabung uji, spatula, mangkuk pijar, bateri, suis, mentol, elektrod karbon, bikar, tungku kaki tiga, penunu bunsen, alas segi tiga tanah liat

KOLEKSI EKSPERIMEN KIMIA TINGKATAN 4
DISEDIAKAN OLEH CIKGU NEELA



<p>Susunan alat radas</p>	 <p style="text-align: center;"> Takat lebur dan takat didih Keterlarutan dalam air dan pelarut organik Kekonduksian elektrik </p>																							
<p>Prosedur</p>	<p>Takat lebur dan takat didih</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Letakkan setengah spatula magnesium klorida dalam mangkuk penyejat. Perhatikan keadaan fizik sebatian tersebut. 2. Biarkan sebatian tersebut selama lima minit dan kemudian perhatikan perubahan yang berlaku dan rekodkan pemerhatian. 3. Ulangi langkah 1 dan 2 dengan menggunakan natrium sulfat, dietil eter dan heksana <p>Keterlarutan dalam air dan pelarut organik</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Letakkan setengah spatula magnesium klorida ke dalam tabung uji. Tambahkan 5cm³ air ke dalamnya. Goncangkan tabung uji itu dan perhatikan keterlarutan magnesium klorida di dalam air 2. Ulangi langkah 1 dengan menggunakan sikloheksana sebagai pelarut 3. Ulangi langkah 1 dan 2 pula dengan menggunakan setengah spatula natrium sulfat, dietil eter dan heksana <p>Kekonduksian elektrik</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Isi mangkuk pijar dengan pepejal plumbum(II)bromida sehingga setengah penuh 2. Hidupkan suis dan perhatikan sama ada mentol menyala ataupun tidak. 3. Panaskan pepejal plumbum(II)bromida sehingga melebur 4. Hidupkan suis dan perhatikan sama ada mentol menyala ataupun tidak 5. Ulangi langkah 1 hingga 5 dengan menggunakan naftalena 6. Isi separuh penuh 250cm³ bikar dengan larutan akues magnesium klorida. 7. Lengkapkan litar dan hidupkan suis dan perhatikan sama ada mentol menyala ataupun tidak. 8. Rekodkan semua pemerhatian dalam jadual 																							
